



Hati Kala Cinta

Hani Fazuha

Download now

Read Online ➞

Hati Kala Cinta

Hani Fazuha

Hati Kala Cinta Hani Fazuha

MEREKA rapat kerana berjiran, tetapi rencah hidup mereka adalah pertengkaran. Kata Zhafran, Lya itu perempuan brutal yang sepatutnya menjadi lelaki, namun tersalah dilahirkan sebagai perempuan. Kata Lya pula, Zhafran itu macam Hitler, suka memaksa orang mengikut kata dia. Kemunculan Nurin menarik perhatian Zhafran, tetapi hati Lya pula tiba-tiba jadi penasaran. Entah sejak bila, ada rasa cinta bertapak dalam hatinya. Namun, semua sudah terlewat kerana Zhafran telah memilih Nurin sebagai suri hidupnya.

Saat yang sama, Hareez pula datang bertandang dan kehadiran lelaki kacak berlagak sombong itu menjengkelkan hati Lya. Kali pertama bertemu, dia tahu ada sebuah kebencian di dalam sepasang mata milik Hareez. Tetapi, apa akan jadi jika kebencian Hareez itu tiba-tiba bertukar menjadi sebaliknya? Apa pula yang akan berlaku bila Zhafran mula sedar dia sebenarnya mencintai Lya? Paling rumit, Lya harus memilih satu antara mereka dan perlu tinggal sebumbung di dalam sebuah keluarga.

Kadangkala kuasa memilih bukan di tangan kita, tetapi kita tidak seharusnya menyerah kalah saat takdir menetapkan pilihannya. Kalaupun aku punya berkeping-keping hati, akan kurelakan yang satu itu pergi mengikut Zhafran tanpa perlu kembali lagi.

Hati Kala Cinta Details

Date : Published November 2011 by Alaf21 Sdn Bhd

ISBN :

Author : Hani Fazuha

Format : Paperback 560 pages

Genre :

 [Download Hati Kala Cinta ...pdf](#)

 [Read Online Hati Kala Cinta ...pdf](#)

Download and Read Free Online Hati Kala Cinta Hani Fazuha

From Reader Review Hati Kala Cinta for online ebook

Sweet says

Mula-mula baca nampak menarik jalan ceritanya... Tapi bila sampai ke puncak cerita dah nampak macam cerita Hindustan pon adooo.. haha!!

Tak der yg mendebarkan, hanya yang biasa shj. Mungkin penulis tidak gemar karya yang berat-berat, jadi hanya yang biasa-biasa sahaja...

nilam says

apa yg sy x suka...zhafran yg buta..bila nampak perempuan secantik Nurin terus dilupakan Lya...sangatlah sedih...lg2 bila hari zhafran dan Nurin nak berkahwin..rasa bodohnya Lya boleh berada di majlis tersebut.. bila perkahwinan Zhafran dan Nurin berantakan..buat sy makin geram..bila Zhafran yg x faham bahasa.. asyik mencari2 Lya..sampai org menuduh Lya seorang perampas.. masa tu sibuklah baru sedar hati sukakan lia..sebelum kahwin x pulakkan..

bila wujud Hareez, rasanya dialah hero sebenar yg akan bahagiakan Lya..tp mcm penulis x nk menjadikan dia sbg hero dlm cerita ni..jadi..watak Zhafran sentiasa menang..

bila Lya dan Zhafran berkahwin, barulah dapat dimaafkan si Zhafran ni....

Rie_dominique says

suka setengah pertama bagian buku ini. chemistry antara Lya dan Zhaffran sangat terasa. sifat Zhaffran yang dominan dan agak2 pemaksa mengingatkan saya pada karakter pria di novel2 harlequin.

setelah lewat pertengahan cerita saya mulai jengkel kepada keduanya. berkali-kali dihadapkan pada masalah yang sama (other man/woman) dan sama sekali tidak belajar cara mengatasinya.

secara teori sih mereka tahu jawabannya. yaitu saling percaya.

tapi pada kenyataannya emosi lebih dulu menguasai dibandingkan akal sehat. ujung2nya bertengkar lagi mengenai hal yang sama.

sebagai pembaca saya lelah sekali menghadapi gejala emosi Lya. setiap kali timbul masalah yang bisa dilakukannya hanya lari menghindar. cakar saja si Nurin tu habis cerita ;(

saya tidak tahu kenapa pula karakter Nana dimunculkan. masalah yang ditimbulkannya sama saja dengan Nurin, tidak ada yang baru.

ending cerita juga membuat saya kecewa. menggantung.

akan lebih bagus kalau di akhir2 cerita penulis membuat kedua tokoh utama belajar mengenai kata 'saling

percaya', karena menurut saya hingga cerita ini selesai hal inilah yang masih belum bisa dilakukan oleh Lya dan Zhafran.

Diana says

Baca non-stop dari jam 8.30pm sampai ke 2.14am!

kuzzeen says

4.8.2014

Diulang baca dek kerana nak dapatkan feel untuk naskah sekuelnya; Yang Dia Pilih - yg 'quarterway' dibaca kerana keliru dengan flow penceritaannya yg tersekat-sekat.

Dan daripada 3* aku terpaksa up-kan kepada 4*. Meniti lorong2 kisah Lya dan Zhafran, seperti menaiki permainan boomerang di Taman Tema Air Bukit Merah Laketown. Dari mula jatuhnya pelampung hingga berhentinya ayunan, bermacam perasaan tergaugl mesra; teruja, mendebarkan, geram, meluat, menyesal.... lepas tu rasa macam nak naik lagi :)

Resepi untuk BFF bertukar kepada pasangan hidup, memang tidak pernah mengecewakan. Lebih2 lagi kisah si Zhafran yang 'kehilangan' Lya ketika dia memilih Nurin biarpun dia tahu kasihnya hanya untuk si teman sejati. Peluang ke-2 untuk merebut kembali Lya biarpun terpaksa merebut tunang abang sendiri digunakan sepenuhnya. Dan kedegilan Lya untuk mengakui rasanya pada Zhafran, biarpun menjengkelkan tapi itulah yang menyentuh perasaan.

DAN.. aku masih berpegang dengan review terdahulu berkaitan dengan plot penamat yang di-extend-kan.

10.11.2013

Aci x (minggu ni aku disampuk jin 'aci'!) kalau aku rumuskan ada cerita Sweet Sour + Lizuardi dalam HATI KALA CINTA ini?

Cuma, Lya versi HKC memilih si adik daripada si abang....

(for me) walaupun medium penceritaan adalah daripada sisi 1st person POV, tapi penulis masih mampu melakarkan rasa pelaku lain terutamanya Zhafran.

Cuma agak tidak puas hati bila penamat naskah ini di-extend-kan hingga mengganggu tumpuan pembacaan. Seharusnya HKC ditamatkan setelah kembalinya Lya ke pangkuan Zhafran dan mengaku khilafnya sebagai seorang isteri. 'Tersesatnya' luahan rasa Zhafran atas kehilangan Lya amat 'bertentangan' dengan lakunya ketika Lya kembali.

Dan, kemunculan watak Nana seolah-olah anti-klimaks untuk HKC. Atau mungkin penulis punya motif tersendiri (mungkin naskah sequel selepas ini) kerana aku tidak nampak kewajaran bab akhir diwujudkan.

MamaErra says

Lyana & Zhafran

Banyak benar liku-liku yang perlu diharungi oleh mereka sebelum mereka dapat hidup bahagia bersama.

Nonie?serenity2bliss says

Announcement before review: N nak jual buku ni for RM13. Pada sesiapa yang berminat, boleh lar PM :)

Novel Hani Fazuha sememangnya tidak mengecewakan, ditambah pula dengan plot childhood friends-turned-lovers, yang sememangnya menjadi plot cerita favorite N.

Tanpa Lya sedari, dia jatuh cinta dengan sahabat baik/musuhnya yang sudah dia kenali selama 20 tahun. Tapi dia tahu, Zhafran hanya menganggapnya sebagai seorang sahabat tomboi yang harus dia lindungi.

Lya seorang kawan yang amat Zhafran sayangi. Dia sanggup menolak tawaran menyambung pelajaran di luar negara kerana mahu sentiasa dekat dengan Lya. Jika bukan dia, siapa lagi akan melindungi Lya?

Kehadiran Nurin dalam hidup mereka mengubah segala-galanya. Zhafran bukan lagi sahabat yang Lya kenali dulu. Tapi saat Lya mula mahu melepaskan Zhafran dari hidupnya, semakin mendesak pula Zhafran mahu menempatkan dirinya dalam hidup Lya.

Kehadiran Hareez yang bongkak dan kasar menampah rencah dalam hidup mereka. Hareez tidak Lya cintai tapi Hareez satu-satunya jalan keluar yang Lya ada untuk mengelakkan dirinya daripada dituduh sebagai perosak rumah tangga orang.

Cuma satu persoalan yang N rasa tak terjawab. Apa masalah Nurin sebenarnya? Adakah dia ni memang borne evil atau sakit jiwa?

Hana Efryna says

suka sgt2 dgn novel ni. cuma, kdg2 sakit hati dgn hero yg blur. lmbt nk ckp dia suka heroin. tapi, ape2 pun mmg cite ni daebak!!

Nur Maryam says

tak mampu habiskan.. mungkin geram dengan watak wataknya.. permulaan memang menarik

Sha Mslvoe says

When I started reading this book, I imagined Korean drama. The story was predictable. Love triangle between best friends, brother and cousin.

I'm giving it 3 stars. The story was enjoyable but the author drag too much till the story loses it spark.

Yazlina Saduri says

Another of HaniFazuha's work read. Hati Kala Cinta is 10 times better than her book I very recently read. Setting is mostly Kolej kedua UM and several spots I am familiar with including Bandar Baru Bangi. The theme is still love and hate and love, but this one is more elaborated (not unnecessarily winding) with more meaty conflicts. Cliches are there too, more than 20 years of friendship sealed with love so deep, two brothers pulling left and right, the heart of the leading character, cousin snatching away the love of her life and she wretched him back, walk-aways, get back together, walk away again, revengeful acts etc etc. I kind of like the way Lya handles herself through the slightly mind boggling and confusing (to her "sempoi" state of thinking). The leading male character is not as nauseatingly annoying too.

Gobokairina says

Ada satu saat, aku rasa nak laga-lagakan je kepala si Zhafran dengan si Lya ni. Masing-masing tak reti nak mengalah! *Haihhh...*

Full review: 18/08/2014

Cerita yang mudah hadam sebenarnya, klise? Ya, tapi aku suka kisah ni. Cuma, perjalanan kisah Zhafran-Lya ni panjang benar. Berliku-liku sebelum nak capai bahagiannya.

Dua sahabat baik yang dah tergelincir dari sempadannya. Namun, yang seksanya bila seorang dah mengaku, yang seorang lagi buat tak tahu. Ditambah dengan kehadiran watak tambahan yang *annoying* seperti Nurin. Oh, hoi! Yang suka setengah mati pun pasti akan kata tak suka bila saja keluarga dipertaruhkan.

Perhubungan kekeluargaan yang rapat antara kedua-duanya membuatkan pasangan ni susah nak berenggang. Walaupun Lya mahu, ada saja *part* yang buat dia lemah dengan Zhafran. Paling rumit bila ada pinangan keluarga Zhafran buat Lya! *Jeng jeng jeng...* aku terkenang cerita si Joe Jambul pula.

Sejak akhir-akhir ni, aku jadi kurang sabar nak baca *part* tarik-tali-jual-mahal ni. Macam kedegilan Lya untuk mengakui rasanya pada Zhafran, ha... ada rasa nak jerit kat telinga Lya kuat-kuat! Belum masuk *part* tak-reti-bahasa si Zhafran! *Huh*. Ok, aku *emo*! *Hahaha* ;P

Dan, watak Hareez tu aku macam suka pula [kenapa ayat sebaris ni pun aku buat perenggan? *Hahaha...* ada makna tu!]

Hasil karya penulis senior, makanya para pembaca akan mudah larut dalam HKC. Perasaan juga akan turun-

naik-macam-naik-rollercoaster, jadi bersiap-siagalalah anda semua!

Ps: Kesenambungan kisah Hareez dalam Yang Dia Pilih ;P

Hajar says

Menyelami perasaan Lya membuatkan kita rasa sangat kesian dengan Lya ni. Terseksa sungguh perasaan bila terpaksa memendam perasaan pada sahabat karib sendiri.

Lya dan Zhafran (Zhaf) membesar bersama-sama sebab mereka berjiran sejak kecil. Hubungan mereka diibaratkan bagai isi dengan kuku. Memang ramai yang salah anggap dengan hubungan 'teman tapi mesra' mereka ni. Lya, walaupun ada menyimpan perasaan pada Zhaf berjaya mengunci rapat mulutnya daripada berterus terang dengan Zhaf sebab tak mahu memporak perandakan hubungan baik mereka. Hubungan mereka memang berjalan dengan baik sehinggalah kemunculan Nurin, sepupu Lya yang kematian kedua ibu bapanya dalam kemalangan jalan raya. Kedatangan Nurin dalam keluarga Lya berjaya memporak perandakan hubungan Lya bukan saja dengan keluarganya, malah dengan Zhaf juga. Tak sedar diri ini orang. Huh.

Lya jadi pelik dengan Zhaf sebab selama dia rapat dengan Zhaf, dia tahu Nurin tu bukanlah jenis perempuan yang menepati kriteria idaman Zhaf. Tapi entah macam mana boleh rapat sampai bertunang. Waktu ni Lya betul-betul rasa tersisih, bukan saja dengan ibunya, malah Zhaf nak bertunang pun Lya tak diberitahu. Cuma yang tak enakunya, Zhaf ni seolah-olah baru tersedar dari lena yang panjang bila dah hampir tarikh perkahwinannya dengan Nurin. Tapi sebab tak mahu keluarga mereka menanggung malu, perkahwinan tu tetap diteruskan biarpun Zhaf dah sedar yang hanya Lya yang dicintai. Walaupun dah terbongkar segala pekung Nurin, Zhaf tetap simpan aib Nurin tu daripada pengetahuan keluarganya.

Dalam masa yang sama pula, muncul Hareez (abang Zhaf) yang bakal ditunangkan dengan Lya atas permintaan keluarga. Oleh kerana Lya ni memang rapat dengan keluarga Zhaf, jadi mama Zhaf kalau boleh tak mahu Lya berjauhan dengannya. Sebab itulah mereka cadangkan Lya ditunangkan dengan Hareez. Walaupun pada awalnya karakter Hareez yang sombong tu agak menjengkelkan, tapi selepas ditunangkan dengan Lya, karakternya berubah seratus peratus. Rupanya karakter selamba Lya tu berjaya menambat hati si lelaki sombong ni.

Namun, siapa agaknya yang benar-benar berjaya menambat hati Lya? Hareez yang terang-terang menunjukkan perasaannya pada Lya atau Zhaf yang masih tersepit dengan masalahnya bersama Nurin?

Komen saya : Saya beli buku ni sebab tergoda dengan kata-kata kawan saya. Haha. Mujurlah ceritanya okay. Tak ada rasa nak baling masuk longkang. Cuma saya rasa watak Zhaf tu digambarkan terlampau baik sampai kena pijak kepala. Ish. Watak Hareez tu pun sepatutnya boleh dikembangkan lagi. Tak puas hati dengan pengakhiran kisah Hareez dalam ni. Hehe. Apa pun, terima kasih Nina sebab introduce buku ni dan tahniah juga buat penulis sebab berjaya buat saya rasa nak cari semua buku tulisannya. :)

Azizah says

Kak Chik menukil:

Hani Fahuza masih lagi bermula kisah HKC ketika watak-watak utamanya di alam universiti. Kali ini dijemakan watak Lya dan Zhafran yang sudah menjadi teman tapi mesra sejak di sekolah rendah lagi. Mereka berdua sering bersama walaupun setiap pertemuan sudah pasti ada pertengkaran kerana itulah rencah kehidupan mereka berdua. Memang benar kata orang, lelaki dan perempuan bila berteman sudah pasti ada yang akan tergelincir hatinya. Kebanyakan mata yang memandang menganggap mereka pasangan yang bercinta tetapi hanya mereka yang memahami makna perhubungan mereka.

Dalam tenang perhubungan yang rapat itu, kehadiran Nurin telah merenggut kejam hati Lya. Lya tidak pernah sangka hatinya telah dicuri oleh Zhafran dan perubahan Zhafran pula bagaikan petanda ada yang tidak kena. Apatah lagi kehadiran Nurin telah menjadikan Lya orang asing pada ibu sendiri. Dia rasakan sudah tidak disayangi oleh ibunya lantaran hatinya sudah tidak dipedulikan lagi.

Lya mencuba untuk menimbus cinta yang tersemat di hati buat Zhafran walaupun dia tahu sesaat pun dia tidak pernah melupakan Zhafran. Walaupun terluka dia terpaksa menerima kerana Zhafran telah pun memilih Nurin sebagai suri hidupnya. Saat Lya sudah berputus harap yang impiannya tidak mungkin dicapai, dia bingung dengan kelakuan Zhafran yang kembali dan menagih kasihnya? Mana mungkin dia menerima Zhafran kerana dia tahu antara mereka sudah pasti ada Nurin?

Lamaran dari Hareez dijadikan penyebab untuk dia menjauhi Zhafran dan juga demi menjaga hati keluarga. Dia tidak mahu hati ibu dan abah terluka kerananya. Benarkah lelaki yang sombong itu adalah jodohnya? Mampukah dia memberi hatinya yang sudah tiada ruang itu untuk lelaki lain selain Zhafran?

Sudut pandang Kak Chik:

Disebabkan karya ini diluahkan melalui Lya sebagai aku; kita hanya mampu merasai dan menyelami perasaan Lya. Oleh itu kita tertinggal rasa-rasa yang dimiliki watak-watak lain melainkan penulis memberi sedikit ruang pada Zhafran untuk 'meluahkan' rasanya pada bab 76.

Walaupun begitu pada Kak Chik masih ada sedikit tanda tanya yang tertinggal, contohnya bagaimana Nurin itu boleh berhubungan dengan Izwan? Selain itu, karektor Zhafran yang pada Kak Chik sedikit tidak stabil atau terlalu memendam rasa atau menjaga aib Nurin sehingga dia sendiri tersepit dan menyebabkan Lya serba salah dan tertekan.

Watak Hareez juga nampak menarik jika dia juga diberi lebih ruang atau peluang. Pada Kak Chik penamat kisah ini bagaikan sedikit tergantung kerana persoalan Nana bagaikan tiada kata penyudah.

LiFe iS a LoNG JouRNeY

-Kak Chik-
